



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	4/8/2011

Surat Liong Sik kepada Dr M tak nyata nilai sebenar tanah

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi semalam dibritahu, kandungan surat ditulis Tun Dr Ling Liong Sik kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung pembelian sebidang tanah bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang tidak mengikut penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan.

Bekas Ketua Pengarah JPPH, Datuk Mani Usilapan, berkata ada enam daripada 10 terma dalam lampiran surat berhubung persetujuan bersama pemilik tanah Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB), tidak diperakui JPPH melalui penilaian jabatan itu terhadap tanah di Lot 67894 di Pulau Indah, Klang.

Usilapan berkata, antaranya ia menyatakan kadar pembelian tanah ialah RM25 bagi 30.48 sentimeter (sm) persegi seperti dipersetujui JPPH sedangkan JPPH dalam penilaiannya hanya memperakukan pembelian tanah RM21 bagi keluasan sama.

Beliau berkata, terma dalam lampiran melalui surat bertarik 29 Jun 2002 itu juga menyatakan keluasan tanah adalah 399.8 hektar, berbeza dengan keluasan tanah di kawasan sama yang dinilai JPPH iaitu 404.4 hektar.

Beliau berkata, kadar faedah seperti dinyatakan dalam lampiran itu adalah 7.5 peratus bagi tempoh pembayaran balik secara tunggakan selama 15 tahun selepas pendahuluan 10 peratus dibayar sebagai *earnest money*, berbeza dengan apa yang diperakui dalam penilaian JPPH iaitu faedah enam peratus bagi tempoh 10 tahun.

Liong Sik dituduh menipu dengan memperdayakan Jemaah Menteri untuk memberikan persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah bagi projek PKFZ mengikut terma yang dipersetujui antara KDSB dan LPK.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu pada 25 September 2002 dan 6 November 2002 di Tingkat Empat, Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya dan didakwa mengikut Seksyen 418 Kanun Keseksamaan jika disabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum tujuh tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Menjawab soalan peguam Wong Kian Kheong yang mewakili Ling, Usilapan berkata, tiada statistik yang menunjukkan peratusan berhubung penilaian JPPH yang diikuti oleh agensi kerajaan, sepanjang tempoh perkhidmatannya di jabatan berkenaan.

Perbincangan di hadapan Hakim Datuk Ahmadi Asnawi bersambung hari ini.